



Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 13, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545  
Faks :603-88895542

## **KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

### **PENGISYTIHARAN TAMAT WABAK KOLERA (TAUN) DI TERENGGANU**

**9 DISEMBER 2009**

Kementerian Kesihatan Malaysia ingin memaklumkan bahawa tiada lagi kes kolera (taun) dilaporkan di Terengganu sejak 2 minggu lepas. Tarikh mula sakit atau “onset” kes terakhir adalah pada 24 November 2009. Oleh kerana tiada kes baru dalam masa 2 minggu dari tarikh tersebut, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa **wabak kolera di Terengganu telahpun berjaya di kawal dan diisytiharkan tamat.**

Jumlah keseluruhan kes kolera yang dilaporkan daripada wabak ini adalah sebanyak 187 kes dengan satu (1) kematian. Kesemua kes telahpun dirawat dan disahkan telah sihat dan tiada lagi kes kolera yang sedang dirawat di hospital.

Daripada penyiasatan yang dijalankan, jangkitan kolera dalam wabak di Terengganu ini telah tersebar kerana pengendali makanan dan orang ramai kurang mengambil berat penjagaan kebersihan diri dan amalan pengendalian makanan yang selamat. Apabila seseorang yang dijangkiti tidak menjaga kebersihan diri, khususnya membasuh tangan dengan sabun selepas ke tandas, ia dengan mudah boleh mencemarkan makanan dan minuman yang disediakan dengan kuman kolera. Mereka yang makan makanan atau minum minuman yang tercemar ini akan mendapat jangkitan

tersebut. Begitu juga mereka yang dijangkiti ini boleh mencemarkan persekitaraan yang kemudiannya boleh menyebarkan penyakit tersebut. Beberapa sampel persekitaraan seperti dari beberapa premis makanan, kilang air batu, kilang keropok lekor dan pasar basah didapati tercemar dengan kuman tersebut. Hakikat bahawa bekalan air minuman di dapati tidak tercemar, pencemaran tersebut di atas adalah berpunca daripada mereka-mereka yang dijangkiti.

Walaupun wabak kolera di Terengganu telah tamat, Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu akan terus melaksanakan tindakan-tindakan kawalan, pencegahan dan pengawasan bagi mengelakkan ia berulang. Namun begitu, tanpa kerja sama orang ramai serta pengendali-pengendali makanan dalam menjaga kebersihan diri dan persekitaran, wabak kolera ini serta penyakit-penyakit bawaan air dan makanan seperti keracunan makanan, tifoid (demam kepialu) dan hepatitis A boleh berulang dan akan terus berlaku.

Sekian, terima kasih.

**TANSRI DATO' SERI DR MOHD ISMAIL MERICAN**

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

9 Disember 2009